

TARIKH : 02 OKTOBER 2020
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7

FGV nafi dakwaan guna buruh paksa

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – FGV Holdings Bhd. (FGV) menafikan dakwaan Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat (AS) bahawa syarikat itu menggunakan buruh paksa.

Sehubungan itu, FGV dalam satu kenyataan menyatakan rasa kecewa terhadap tindakan CBP AS menahan minyak sawit dan produk komoditi yang dihasilkan oleh FGV.

"Semua isu dibangkitkan itu menjadi topik wacana umum sejak tahun 2015 dan FGV telah mengambil beberapa langkah memperbaiki keadaan.

"FGV kecewa dengan larangan itu kerana telah mengambil langkah konkrit menangani masalah hak asasi manusia dan menegakkan piawaian hak pekerja," kata

kenyataan itu semalam.

CBP kelmarin mengarahkan Perintah Penahanan Pelepasan (WRO) berkuat kuasa 30 September lalu dikenakan terhadap produk-produk FGV atas alasan berlakunya kerahan tenaga paksa serta kebimbangan membabitkan khidmat kanak-kanak berdasarkan maklumat siasatan selama setahun.

Menurut FGV, semua pekerja asingnya terutama dari India dan Indonesia diambil bekerja menggunakan saluran undang-undang.

"Syarikat mempunyai seramai 11,286 pekerja Indonesia dan 4,683 pekerja India sehingga Ogos lalu dan syarikat itu tidak mengambil pekerja kontrak kerana semua pekerja digajikan secara langsung oleh FGV.

Menurutnya, syarikat itu tidak menyimpan pengenalan diri pekerja, sebaliknya memasang 32,

250 peti keselamatan sebagai pilihan kepada pekerja asing menyimpan pasport mereka.

"Syarikat itu telah melabur sebanyak RM350 juta untuk meningkatkan kemudahan perumahan bagi pekerjanya," ujarnya.

FGV turut menegaskan syarikat itu mempunyai kod etika pembekal untuk memastikan piawaian hak tenaga kerja, kesihatan, keselamatan, kelestarian dan etika perniagaan diamalkan di seluruh rantaian bekalan.

"Perlu diulangi, FGV tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk pelanggaran hak asasi manusia atau kesalahan jenayah dalam operasinya.

"FGV telah berkomunikasi dengan CBP AS sejak Ogos tahun lalu dan telah mengemukakan bukti FGV patuh melindungi piawaian hak pekerja," kata kenyataan itu.



FGV menegakkan lebih 15,000 pekerja asing dari Indonesia dan India yang diambil bekerja menggunakan saluran undang-undang. – GAMBAR HIASAN